

UMS komited beri perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, pelajar

UB 14.10.2023 P.04

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Jabatan, Akademi, Fakulti, Pusat, Institut dan Bahagian (JAFPIB) sentiasa komited memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan pelajar.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor, UMS sentiasa berusaha menambah baik dan berinovasi dalam memastikan perkhidmatan memuaskan.

“Seiring pembangunan

teknologi, UMS banyak melaksana perubahan bagi memastikannya tidak ketinggalan dalam memberikan perkhidmatan terbaik serta memudahkan pelanggan.

“UMS sentiasa memberi perhatian meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.

“Oleh itu, penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan akan terus diperkasakan,” katanya.

Beliau berkata demikian

dalam teks ucapan yang dibaca Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMS, Profesor Dr. Shahril Yusof sewaktu Majlis Perasmian Penutupan Hari Bertemu Pelanggan Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA) Tahun 2023.

Tambah Kasim, pengurusan aduan dan maklum balas pelanggan merupakan salah satu elemen penting untuk meningkatkan hubungan dengan pelanggan.

Beliau turut memaklumkan UMS juga telah menetapkan pelan strategik melalui KRA-6 iaitu Pemerkasaan Tadbir Urus, Sumber Manusia dan Sistem Penyampaian untuk memastikan kekuatan sumber dan mutu perkhidmatan universiti sentiasa dalam keadaan terbaik.

“Peranan warga UMS, sama ada pelajar, pensyarah dan kakitangan pentadbiran adalah sama penting bagi memastikan pelan strategik UMS tercapai.

“Oleh itu, selaku univer-

siti awam utama di negeri Sabah, marilah sama-sama kita meningkatkan lagi mutu perkhidmatan,” katanya.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Madya Dr. Raman Noordin dan Ketua BPA, Nortir Sirin.

RASMI: Shahril ketika Majlis Perasmian Penutupan Hari Bertemu Pelanggan BPA Tahun 2023.

